



**TERIMA KASIH:** Kasim menyampaikan cenderamata kepada Dr. Huang Shifang sempena majlis itu.



**HIBURAN:** Antara persembahan nyanyian oleh penyanyi dari China yang memeriahkan majlis berkenaan.

# UMS-China raikan hubungan tanda persahabatan

Mengukuhkan program dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pertukaran budaya, kata Kasim

**UB 01.11.2024 P.06**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China sebagai tanda persahabatan, terutama dalam bidang pendidikan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, UMS sendiri telah mencapai kejayaan yang ketara sejak tiga dekad lalu.

Katanya, komitmen terhadap kecemerlangan akademik terbukti dalam rangkaian program kami yang pelbagai, yang memenuhi keperluan

lebih 22,000 pelajar dari pelbagai latar belakang.

“Perkongsian kami dengan institusi tempatan dan antara-bangsa telah memudahkan pelbagai usaha penyelidikan, menyumbangkan pandangan berharga kepada kedua-dua ahli akademik dan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-30 UMS dan Sambutan 50 Tahun Hubungan Diplomatik Antara Malaysia dan China di Dewan Resital, UMS.

Beliau menambah, UMS

telah menerima pakai dasar pentarabangsaan yang telah meningkatkan kedudukan global universiti.

“Dasar ini bukan sahaja menggalakkan kerjasama rentas sempadan dan pertukaran pelajar, tetapi juga menarik fakulti dan penyelidik antarabangsa ke kampus kami.

“Melalui perkongsian dengan institusi akademik di seluruh dunia, termasuk China, kami telah mengukuhkan program dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pertukaran

budaya,” kata Kasim.

Beliau turut menjelaskan bahawa UMS telah memantapkan dirinya sebagai hab penyelidikan termaju, terutama dalam bidang seperti sains marin, biodiversiti dan pembangunan mampan.

Menurutnya, kerjasama itu bukan sahaja memperkaya komuniti akademik, tetapi juga telah menyumbang secara signifikan kepada landskap pengetahuan dan inovasi yang lebih luas.

“Perkongsian ini telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubu-

ngan antara universiti dan komuniti Cina, sama ada di dalam atau di luar negara.

“Dari segi budaya, pertukaran yang dijalankan telah memupuk pemahaman dan penghargaan yang lebih mendalam terhadap kekayaan warisan yang dimiliki oleh Malaysia dan China.

“Acara, pertukaran pelajar dan inisiatif bersama telah membuka pintu untuk dialog dan persahabatan, mewujudkan perkongsian pengalaman yang memperkayakan kampus kita,” katanya.

Kasim berkata tema sam-

butan tersebut iaitu ‘Perpaduan dalam Sambutan: 30 Tahun Kecemerlangan, 50 Tahun Persahabatan’ menyerlahkan lagi hubungan yang berakar umbi antara kedua-dua negara, memupuk persefahaman dan kerjasama bersama.

Pada majlis tersebut, lebih 500 hadirin menyaksikan persembahan nyanyian, permainan alat muzik tradisional, orkestra Cina, persembahan muzikal dan lukisan, serta acara mendeklamasi sajak yang menggabungkan elemen kebudayaan Malaysia

dan China.

Hadir sama pada majlis tersebut Konsul Jeneral Republik Rakyat China di Kota Kinabalu, Dr. Huang Shifang; Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Prof. Madya Dr. Lai Yew Mengli; Dekan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md. Dawam; Pengarah Pusat Pentarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Madya Dr. Wardatul Akmam Din; dan Pengarah Confucius Institute, Dr. Chiew Tung Moi.